

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

RPK 442 - Aspek Sosial Di Dalam Perancangan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Soalan 1 adalah WAJIB. Pilih TIGA soalan daripada Bahagian B.

**BAHAGIAN A (Wajib)**

1. Penekanan terhadap faktor sosial berpunca daripada tindakbalas kepada kelemahan dan kekurangan pendekatan pembangunan yang dilaksanakan di Negara Dunia Ketiga.

Berpandukan kepada pengalaman di Malaysia, bincangkan kemunculan perancangan sosial di negara ini.

Huraikan aspek-aspek sosial yang penting yang dapat anda kenalpasti.

( 25 markah )

**BAHAGIAN B**

2. Kegagalan dasar dan program pembangunan adalah disebabkan oleh kurangnya penglibatan masyarakat dalam proses perancangan.

Bincangkan kenyataan ini dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai.

( 25 markah )

3. Petunjuk-petunjuk sosial digunakan di dalam tiap-tiap tahap proses perancangan.

Nyatakan dan bincangkan peranan petunjuk sosial di dalam tiap-tiap tahap tersebut. Berikan contoh-contoh untuk menyokong jawapan anda.

( 25 markah )

4. Huraikan peranan perancang sosial berdasarkan dua daripada kegiatan-kegiatan di bawah ini.
- a) Penjagaan dan pengawalan Alam Sekitar
  - b) Perlaksanaan program pembangunan komuniti di luar bandar
  - c) Perancangan pembangunan industri
  - d) Perancangan pembangunan perumahan kos-rendah

( 25 markah )

5. Pembuat-pembuat dasar menghadapi masalah untuk menerapkan dimensi-dimensi sosial di dalam proses menggubal dan melaksana dasar dan program pembangunan mereka.

Bincangkan masalah-masalah yang dihadapi untuk menerapkan dimensi-dimensi sosial di dalam proses tersebut.

Huraikan bagaimana anda dapat mengatasinya.

( 25 markah )

oooOooo